

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 OGOS 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## Tiga tonggak perlu sepakat jayakan PuTERA35

**Minda Pengarang**

### Tiga tonggak perlu sepakat jayakan PuTERA35

Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menandakan satu lagi langkah penting dalam usaha memartabatkan ekonomi Bumiputera. Pelan bertemakan 'Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan (3P) Bumiputera', bertujuan memastikan golongan itu bukan sekadar menjadi peserta atau 'penumpang' dalam bahtera ekonomi negara, banan penggerak utama.

Kita yakin tiada gunung tinggi tak dapat diaki, tiada lurah dalam tak dapat dituruni tetapi dengan syarat tiga tonggak utama melaksanakannya dengan komited, integriti dan tegas. Pertama, penjawat awam, pegawai, agensi dan institusi kerajaan paling kritis dalam memastikan kejayaan PuTERA35. Justeru, kita mengingatkan mereka memegang amanat Perdana Menteri supaya tidak ada pihak merosakkan atau menyalahgunakan agensi bertanggungjawab menguruskan agenda Bumiputera.

Kita meminta kerajaan dengan menteri, ketua setiausaha (KSU) dan pengurusan tertinggi kementerian serta agensi memastikan semua terabdi melaksanakan tugas penuh tanggungjawab dan cekap tanpa kompromi terhadap integriti. Pemantauan ketat terutama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Audit Negara (JAN) serta mekanisme semak dan imbang Parlimen dan media diperlukan untuk mengelakkan penyelewengan, ketirisan dan pembaziran berulang, sekali gus memastikan setiap ringgit dibelanjakan memberikan impak optimum.

Kedua, pengusaha Bumiputera terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) mestilah PuTERA35 sebagai peluang keemasan meningkatkan daya saing dan skala perniagaan. Inisiatif dan insentif kerajaan semata-mata tidak cukup, sebaliknya pengusaha perlu proaktif mencari jalan mencipta nilai tambah dan meneroka pasaran baharu, terutama dalam sektor berpotensi pertumbuhan dan bernilai tinggi. Kita mahu PuTERA35 dilihat titik permulaan melanjukkan PMKS Bumiputera ke peringkat global.

Akhir sekali, ahli korporat Bumiputera berjaya perlu berperanan lebih besar membantu rakan seperjuangan mencapai kejayaan. Kita tidak mahu lagi melihat kerajaan 'mencurahkan pelbagai bantuan sehingga mereka menjadi bilionair dan jutawan, tersenarai dalam indeks kekayaan dunia tetapi hany membawa berapa kerat saudara-mara serta 'kroni', sedangkan usahawan lain terkontang-kanting dan berhempsah pulas untuk menghidupkan perniagaan yang ada kala hidup segan mati tak mahu.'

Kita mahu golongan berjaya mengambil inisiatif membimbing serta membina rangkaian perniagaan dengan pengusaha sedianya, sekali gus mengubah sifat individualistik kepada kolektif dengan kejayaan dikongsikan demi kebaikan secara keseluruhan. Kerajaan perlu memastikan kegagalan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan semua polisi sosioekonomi sebelum ini tidak berulang dalam PuTERA35.

PuTERA35 perlu dijadikan formula wajib dijayakan semua pemegang taruh kerana pemuliharaan ekonomi negara dan kebangkitan kuasa 'Harimau Asia' tidak akan dapat berlaku kecuali golongan Bumiputera perlu 'rentak se-degam, langkah sepijak' merealisasikannya. Kejayaan Bumiputera yang kita mahu saksikan juga mesti ditandai dengan kaum itu mencapai penyertaan, pemilikan dan penguasaan dalam iktisad negara.